

**STANDARD DURIAN MUSANG KING D197 (*Durio zibethinus* L.)**

*Disediakan oleh: Cawangan Kualiti & Standard*

*berdasarkan draf semakan pertama MS 2431:2011 Fresh durian - Specification*

**1. PENGENALAN**

Pokok berasal dari Tanah Merah, Kelantan dan didaftarkan dengan nama Raja Kunyit pada 9 Disember 1993 oleh Encik Wee Chong Beng. Kawasan pengeluaran utama adalah di Pahang dan Johor. Diagram buah adalah seperti di **Lampiran A**.

**2. SKOP**

Standard ini adalah untuk durian Musang King (*Durio zibethinus* L.) daripada famili Bombacaceae untuk pasaran segar .

**3. RUJUKAN NORMATIF**

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang dinyatakan akan digunakan. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunakan.

*MS 78, Method of sampling for fresh fruits (First Revision)*

*Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan 2012) [Akta 141] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.*

#### 4. DEFINISI

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 4.1. **Bersih** – Bebas daripada kotoran dan benda asing.
- 4.2. **Kecacatan** – Mempunyai tanda - tanda yang menjejaskan rupa keseluruhan seperti berikut: (Rujuk **Lampiran B**)
  - 4.2.1. **Cacat bentuk** - Bentuk tidak normal bagi varietinya.
  - 4.2.2. **Cacat rupa** - Tanda-tanda yang menjejaskan rupa luaran seperti kesan parut yang tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi.
- 4.3. **Rosak** - Sebarang kecederaan disebabkan oleh perosak dan/atau penyakit, kesan mekanikal dan/atau fisiologi yang menjejaskan kualiti dan jangkahayat pasaran. (Rujuk **Lampiran C**)
  - 4.3.1. Kecederaan oleh perosak dan/atau penyakit disebabkan oleh makhluk perosak, serangga dan mikrob seperti kesan gigitan serangga, lubang, busuk dan berkulat.
  - 4.3.2. Kecederaan mekanikal semasa pengendalian seperti pecah.
  - 4.3.3. Kecederaan fisiologi disebabkan oleh keadaan seperti kekurangan nutrien, perubahan cuaca dan suhu yang ketara. Contoh kecederaan seperti kecederaan dingin dan nyahwarna.
- 4.4. **Segar** – Durian seperti hasil yang baru gugur (dari segi tangkai, kulit dan tekstur).

## 5. PENCIRIAN DURIAN MUSANG KING

Durian Musang King dapat dikenalpasti berdasarkan 10 pencirian seperti berikut: (rujuk **Lampiran D**)

### 5.1 Ciri Istimewa

- Bahagian bawah buah mempunyai garisan keperangan menampakan pemisah antara pangsa yang berbentuk seakan-akan tapak sulaiman.

### 5.2 Bentuk

- Bulat-bujur

### 5.3 Kulit

- Hijau muda
- Hijau kelabu keperangan

### 5.4 Duri

- Agak besar, sederhana pendek dan berbentuk piramid.
- Lingkaran di pangkal tangkai kelihatan jelas tidak berduri

### 5.5 Isi

- Warna:
  - i. Kuning
  - ii. Kuning kunyit
  - iii. Kuning keemasan
- Tebal
- Tekstur halus & pejal
- Isi mudah dipisahkan dari biji

### 5.6 Ulas

- Sederhana besar

### 5.7 Biji

- Kesep dan terdapat juga biji sederhana besar

5.8 **Tangkai**

- berwarna coklat dan sederhana panjang

5.9 **Rasa**

- lemak, manis dan sedikit pahit

5.10 **Aroma**

- aroma yang kuat

**6. KEPERLUAN MINIMUM**

6.1. Hendaklah segar, bersih dan bebas daripada kecederaan oleh perosak dan/atau penyakit.

6.2. Hendaklah agak bebas daripada kecederaan mekanikal, fisiologi dan kecacatan.

6.3. Hendaklah mencapai peringkat pembentukan yang sempurna mengikut ciri-ciri varieti dan kawasan di mana ia ditanam.

6.4. Hendaklah mempunyai varieti yang sama dalam satu bungkusan

## 7. PENGREDAN

Durian dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi seperti Jadual 1:

**Jadual 1 : Pengkelasan Gred**

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran
<b>Premium</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Durian kualiti terbaik dengan ciri-ciri varieti</li> <li>- Mempunyai minimum 4 pangsa.</li> <li>- bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan serta tidak menjejaskan persembahan keseluruhan, kualiti dalaman, kualiti penyimpanan dan persembahan dalam pembungkusan.</li> </ul>	<p>Kerosakan hendaklah tidak melebihi 3%.</p> <p>Maksimum 5% mengikut bilangan atau berat buah yang tidak mencapai keperluan Gred Premium tetapi memenuhi keperluan Gred 1.</p>
<b>1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Durian kualiti baik dengan ciri-ciri varieti</li> <li>- Mempunyai minimum 4 pangsa</li> <li>- Agak bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan dengan syarat tidak menjejaskan persembahan keseluruhan, kualiti dalaman, kualiti penyimpanan dan persembahan dalam pembungkusan.</li> </ul>	<p>Kerosakan hendaklah tidak melebihi 5%.</p> <p>Kecacatan hendaklah tidak melebihi 5%.</p> <p>Maksimum 10% mengikut bilangan atau berat buah yang tidak memenuhi keperluan Gred 1 tetapi memenuhi keperluan Gred 2.</p>
<b>2</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Durian dalam gred ini tidak mencapai spesifikasi Gred Premium dan Gred 1 tetapi memenuhi keperluan minimum di klausa 6;</li> <li>- Mempunyai minimum 2 pangsa</li> <li>- Agak bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan dengan syarat tidak menjejaskan isi.</li> </ul>	<p>Kerosakan hendaklah tidak melebihi 5%.</p> <p>Kecacatan hendaklah tidak melebihi 10%.</p> <p>Maksimum 15% mengikut bilangan atau berat buah yang tidak memenuhi keperluan Gred 2</p>

## 8. PENGKELASAN SAIZ

Bagi Musang King, saiz ditentukan oleh berat dalam unit (kg) seperti Jadual 2:

**Jadual 2: Pengkelasan Saiz**

Saiz	Kod	Berat (kg)
Lebih Besar	XL	>2.3
Besar	L	1.8 – 2.2
Sedang	M	1.3 – 1.7
Kecil	S	0.8 – 1.2

Bagi semua saiz, kelonggaran saiz yang dibenarkan adalah sebanyak 10% mengikut bilangan atau berat buah yang sepadan dengan saiz yang di atas dan / atau di bawah yang dinyatakan dalam pembungkusan

## 9. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 9.1 Pembungkusan

- 9.1.1. Hendaklah mempunyai ukuran yang boleh menampung dengan secukupnya kuantiti durian yang dibungkus.
- 9.1.2. Hendaklah mengandungi durian daripada varieti, gred dan saiz yang sama.
- 9.1.3. Berat bungkusan yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.
- 9.1.4. Hendaklah memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan supaya dapat memberi perlindungan yang maksimum daripada kerosakan kepada durian semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 9.1.5. Hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak menyebabkan kerosakan dan menjejaskan kualiti.

## 9.2 Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 9.2.1 Nama keluaran pertanian
- 9.2.2 Varieti
- 9.2.3 Gred
- 9.2.4 Saiz
- 9.2.5 Tempat Asal
- 9.2.6 Nama dan alamat perniagaan, pengimport, pengeksport, ejen, pengeluar atau pengedar
- 9.2.7 Berat bungkusan
- 9.2.8 Perkataan "Produce of Malaysia" (bagi keluaran yang dieksport)


### 7.2.1 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of sampling for fresh fruits" (First Revision)

## 11. KEPERLUAN PERATURAN

Hendaklah mematuhi Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan 2012)[*Akta 141*] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

LAMPIRAN A  
DIAGRAM DURIAN






**LAMPIRAN B**


**KECACATAN**

**B1. Cacat bentuk**



Bentuk tidak normal


**B2. Cacat rupa**



Kesan parut

LAMPIRAN C

KEROSAKAN




Kecederaan oleh makhluk perosak dan/atau penyakit

**LAMPIRAN D**

**Pencirian Durian Musang King**

**D1. CIRI ISTIMEWA**

Bahagian bawah buah mempunyai garisan keperangan menampakkan pemisah antara pangsa yang berbentuk seakan-akan tapak sulaiman.




**D2. BENTUK**

Bulat - bujur



### D3. KULIT

Hijau muda & hijau kelabu keperangan




### D4. DURI

Agak besar, sederhana pendek dan berbentuk piramid.



### D5. ISI

- Warna:
  - i.Kuning
  - ii.Kuning kunyit
  - iii.Kuning keemasan
- Tebal
- Tekstur halus & pejal
- Isi mudah dipisahkan dari biji




### D6. ULAS

Sederhana besar




**D7. BIJI**

Sederhana besar dan terdapat juga biji kesep



**D8. TANGKAI**

Berwarna coklat, lingkaran jelas kelihatan dan tidak berduri di pangkal tangkai



## BIBLIOGRAFI

*Buku Senarai Klon Buah-buahan yang didaftarkan oleh Jabatan Pertanian.*

*<http://animhosnan.blogspot.com/2011/10/durian-musang-king.html>*